

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG - BN]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN (NO. 100)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang meningkatkan kemudahan sukan di daerah-daerah yang begitu daif sekarang. Apakah sukan yang diutamakan oleh kementerian untuk mengasah bakat belia-belia luar bandar.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mempunyai perancangan untuk meningkatkan kemudahan sukan di daerah-daerah yang begitu daif khususnya di luar bandar secara berperingkat dan berdasarkan permohonan.
2. KBS telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang diminati oleh belia bagi menarik minat mereka untuk menyertai program-program yang disediakan. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak sekadar berpusat mengikut lingkungan geografi tetapi adalah secara menyeluruh sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Antara program yang disediakan adalah program sukan kecergasan, sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem, dan sukan rakyat / sukan untuk semua.
3. Pada tahun ini, KBS memberi fokus kepada perkembangan dan penyerahan bakat dalam menggalakkan golongan belia terlibat melakukan aktiviti yang berfaedah. Sebagai contoh KBS melaksanakan Kem INSPIRE iTalent & iTrain dan Sirkit INSPIRE OKU di setiap negeri di mana program ini bertujuan untuk mencungkil bakat baru golongan OKU dalam bidang sukan mengikut jenis kecacatan tertentu. Selain itu, program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) juga dilaksanakan di 121 Daerah dan 15 Negeri dengan sasaran penyertaan 124,950 orang. Program LiSUS ini mempertandingkan 4 jenis sukan iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw dan bola sepak 9 sebelah.

SULIT

4. KBS juga menarik minat belia dengan pelaksanaan program sukan rekreasi dan extreme di peringkat negeri. Sukan ini memberi peluang kepada belia mencuba pelbagai aktiviti sukan lasak, menanamkan sifat – sifat tahan lasak, kekuatan mental dan fizikal, disiplin yang tinggi serta melahirkan atlet yang berpotensi mewakili negara ke peringkat antarabangsa. Antara program yang dilaksanakan adalah X-Games, Formula KBS, Motorcross Championship, KBS Drag Racing dan Xplorasi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (101)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 23 MEI 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapa banyak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sudah mengambil langkah memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan masing-masing bagi memantau kegiatan jenayah dan seumpamanya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 April 2016 sebanyak 59 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sudah memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang melibatkan sejumlah 4,039 unit CCTV di seluruh negara bagi memantau aktiviti jenayah, perbandaran dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,047 unit CCTV dipasang oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT manakala selebihnya adalah sumbangan peruntukan secara berfasa daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016